

Inisiatif Bahagian Pembangunan Pelajaran,  
KPM uruskan peruntukan RM1.096 bilion

# Pembangunan infrastruktur pendidikan 2017

Oleh AHMAD MUSTAKIM ZULKIFLI

**“JIKA** kita mahukan kemakmuran dunia, kita harus mula mendidik anak-anak,” demikian kata-kata hikmah tokoh kemerdekaan India, Mahatma Gandhi yang diungkap oleh Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Tun Razak dalam ucapan Bajet 2017.

Tidak dinafikan, pendidikan yang lestari merupakan kunci kepada kesejahteraan negara seterusnya membawa kepada kemakmuran dunia.

Dalam bajet tersebut, sebanyak RM1.096 bilion diperuntukkan untuk projek-projek pembangunan infrastruktur pendidikan.

Kementerian Pendidikan (KPM) melalui Bahagian Pembangunan Pelajaran (BPP) memberi fokus kepada pembangunan infrastruktur program Pendidikan Teknikal dan Latihan Vokasional (TVET), pendidikan awal kanak-kanak dan prasekolah serta pendidikan sekolah rendah dan menengah.

Setiausaha BPP, Datuk Khalid Abu Bakar berkata, sebanyak sembilan buah Institusi Pendidikan Guru (IPG) akan diubahsuai dengan bajet RM400 juta.

“Sembilan buah IPG tersebut akan diubah suai menjadi



SEORANG pelajar memulakan sesi pembelajaran di dalam kelasnya yang kelihatan usang akibat dimakan anai-anai di Sekolah Kebangsaan Pandam di Kota Samarahan, Sarawak yang merupakan antara contoh sekolah daif yang boleh dibangunkan semula oleh BPP.

vokasional dan satu pusat latihan jurulatih TVET yang dijangka siap pada 2018.

“BPP juga akan menaiktaraf peralatan TVET berjumlah RM270 juta untuk melahirkan para pelajar yang mahir menggunakan teknologi terkini apabila mereka memasuki alam pekerjaan,” katanya pada sidang akhbar di Putrajaya baru-baru ini.

Bagi pembangunan pendi-



KHALID

runtukkan RM132 juta untuk meningkatkan akses pendidikan prasekolah di sekolah kerajaan secara percuma kepada 200,000 kanak-kanak selain memperluas program itu kepada 50 buah Sekolah Jenis Kebangsaan Tamil (SJKT) yang menelan belan-

ja RM10 juta. Pembangunan fizikal pendidikan sekolah rendah dan menengah juga tidak dilupakan.

Menurut Khalid, tiga usaha



BANGUNAN Sekolah Kebangsaan (SK) Binyok di Kota Samarahan, Sarawak yang kelihatan uzur ini antara yang boleh memanfaatkan peruntukan kerajaan berjumlah RM1.096 bilion untuk projek-projek pembangunan infrastruktur pendidikan sepanjang 2017.

nan semula sekolah daif, menaiktaraf makmal sains, menyiapkan pembinaan sekolah dan Tabung Khas Penambahbaikan dan Penyelenggaraan Sekolah.

“Sebanyak 120 sekolah daif akan dibangunkan semula oleh BPP menggunakan sistem binaan industri (IBS).

“Jumlah itu merangkumi 30 buah sekolah daif di Sarawak, 30 buah sekolah di Sabah dan baki selebihnya di Semenanjung Malaysia,” ujarnya.

Mengulas mengenai penggunaan IBS dalam pembinaan infrastruktur pendidikan, Khalid berkata ia jauh lebih mudah berbanding kaedah konvensional.

“Infrastruktur yang dibina mengguna IBS tahan lebih lama, murah dan boleh disiapkan dalam masa dua ke tiga bulan.

“Perdana Menteri melihat

selepas kita melaksanakan kaedah IBS tahun lalu malah sekolah yang terbakar boleh digantikan dalam masa dua bulan berbanding empat tahun jika menggunakan kaedah konvensional kerana kita terpaksa menunggu peruntukan,” jelasnya.

Selain itu, pihaknya akan menaiktaraf 1,800 makmal sains di sekolah seluruh negara.

Usaha tersebut diperhebatkan lagi dengan pembinaan 227 buah sekolah yang akan disiapkan termasuk lapan sekolah baharu berjumlah 478 juta.

Khalid menambah, Tabung Khas Penambaaian dan Penyelenggaraan Sekolah sebanyak RM500 juta diperuntukkan untuk Sekolah Kebangsaan. Sekolah Jenis Kebangsaan Cina, Sekolah Jenis Kebangsaan Tamil. Sekolah Mubaligh, Sekolah Berasrama Penuh dan Sekolah